



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

2,000 PENDUDUK KAMPUNG PERMATANG ARA, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG TERIMA MANFAAT PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI

SEBERANG PERAI SELATAN, 12 Disember 2025 – YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merangkap Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) SPA yang dilaksanakan di Kampung Permatang Ara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Kampung Permatang Ara telah dipilih sebagai lokasi Kampung Angkat MADANI SPA bagi tahun 2025 selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2025 yang menekankan kepentingan memperkukuh kemudahan asas di kawasan luar bandar melalui pendekatan merentasi kementerian dan agensi. Bagi menjayakan inisiatif ini, pihak SPA telah bekerjasama dengan Pejabat GIATMARA Negeri Pulau Pinang yang turut dilantik sebagai Agensi Teknikal dalam pelaksanaan skop projek.

Melalui inisiatif ini, SPA menerima peruntukan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf kemudahan asas yang dikenal pasti sebagai keperluan utama komuniti. Pelaksanaan projek merangkumi empat komponen utama;

- (i) naik taraf Madrasah Permatang Ara bagi menyediakan ruang ibadah dan aktiviti kerohanian yang lebih selamat, selesa serta mesra kanak-kanak, warga emas dan OKU;
- (ii) penambahbaikan Dewan Taman Kesumba sebagai pusat aktiviti setempat yang lebih kondusif untuk program kemasyarakatan di samping

menggalakkan aktiviti sukan dan gaya hidup sihat terutama dalam kalangan remaja;

- (iii) kerja-kerja menurap semula jalan kampung berhampiran madrasah serta penambahbaikan pencahayaan bagi melancarkan pergerakan penduduk dan kenderaan ringan dengan lebih selamat, khususnya pada waktu malam dan ketika hujan selain penggunaan lampu solar yang lebih lestari dan menjimatkan tenaga; dan
- (iv) pembinaan laluan pejalan kaki di tanah perkuburan berhampiran Masjid Baru (Utara) Sungai Bakap yang meningkatkan keselesaan dan keselamatan ketika ziarah serta memudahkan urusan komuniti termasuk pengurusan pengebumian pada waktu malam.

Secara keseluruhan, keempat-empat skop ini memberi manfaat langsung kepada hampir 2,000 orang penduduk Kampung Permata Ara, Seberang Perai Selatan dari aspek keselamatan, keselesaan, akses pergerakan dan kesejahteraan sosial setempat.

Antara komponen yang paling signifikan dalam projek ini ialah naik taraf Madrasah Permatang Ara, yang telah ditransformasi daripada keadaan uzur kepada sebuah ruang ibadah dan aktiviti komuniti yang lebih selamat, selesa dan inklusif. Sebelum naik taraf, madrasah menghadapi beberapa kekangan seperti struktur kayu di tingkat atas yang telah uzur dan tidak lagi digunakan, sistem pendawaian yang usang dan kemudahan tandas serta tempat wuduk yang kurang selesa. Melalui projek ini, struktur kayu tersebut telah dirobohkan dan bangunan dijadikan satu tingkat dengan binaan konkrit/bata sepenuhnya serta reka bentuk lebih moden. Madrasah turut dilengkapi dengan sistem pendawaian dan siar raya (AV) baharu termasuk LED projektor, kemudahan pendingin hawa, tandas dan tempat wuduk mesra warga emas dan OKU, kemas dalam serta karpet baharu, selain penambahan taman permainan mini untuk kanak-kanak.

Penambahbaikan ini secara langsung memberikan manfaat kepada komuniti dengan menyediakan tempat ibadat yang lebih kondusif, menggalakkan aktiviti kerohanian meliputi seluruh lapisan masyarakat termasuk OKU, serta berpotensi menjadi

ikon/mercu tanda kampung yang meningkatkan imej dan kebanggaan komuniti setempat.

Selaras dengan seruan Kerajaan untuk memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), SPA turut memanfaatkan kemahiran dan kepakaran tenaga pengajar serta pelatih GIATMARA melalui pendekatan *On Job Training (OJT)* dalam bidang elektrik, elektronik dan mekatronik bagi pelaksanaan projek-projek kecil TVET-OJT yang melengkap empat (4) skop Projek Kampung Angkat MADANI sedia ada. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong kelancaran pelaksanaan di lapangan, malah memberi nilai tambah kepada pembangunan modal insan apabila pelatih GIATMARA berpeluang memperkukuh pengalaman teknikal dan insaniah melalui khidmat bakti kepada komuniti setempat berasaskan ilmu dan kemahiran yang dipelajari.

Inisiatif ini adalah manifestasi komitmen SPA dalam mendukung hasrat Kerajaan Malaysia MADANI untuk memastikan rakyat di kawasan luar bandar mendapat manfaat pembangunan yang lebih saksama. Melalui kemudahan asas yang dinaik taraf, kesejahteraan komuniti setempat dapat dipertingkatkan, sekali gus menyokong agenda pembangunan holistik, inklusif dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

Program Kampung Angkat MADANI juga mencerminkan usaha bersepadu antara Kementerian Kewangan, SPA, Agensi Teknikal serta pihak swasta dalam memastikan setiap projek pembangunan memberi impak langsung dan berkekalan kepada komuniti.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
12 DISEMBER 2025